

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI  
[TANGGA BATU, MELAKA]**

**SOALAN NO. 394**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** minta menyatakan perancangan baru yang direncanakan dan bakal dilaksanakan pada tahun 2019 khususnya untuk para belia lepasan SPM bagi menggantikan program PLKN yang telah dimansuhkan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Konsep Program *Malaysia Future Leaders School* (MFLS) adalah berdasarkan kepada lima (5) elemen iaitu: kepimpinan, pembentukan watak dan jati diri, kenegaraan, kesukarelawanan dan keusahawanan di samping penekanan kepada nilai-nilai murni melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Ianya berbeza dari program PLKN memandangkan fokus MFLS jelas terarah kepada pembentukan bakat kepimpinan generasi muda. Dalam konteks ini, Kementerian berhasrat untuk menyediakan satu platform khusus bagi mempersiapkan “*future-ready leaders*” yang akan menjadi tonggak kepimpinan pelbagai sektor di masa hadapan.
2. Seramai 35,000 orang pelajar sekolah akan menyertai program dan proses pemilihan sepenuhnya dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Peserta yang dipilih adalah merupakan warganegara Malaysia yang berumur antara 15 hingga 17 tahun dan terdiri daripada pelbagai kaum.
3. Program MFLS ini turut melibatkan para belia lepasan SPM di Tier 3 yang menerapkan elemen kepimpinan, komunikasi, karakter

kenegaraan, keusahawanan, kesukarelawanan dan pengantarabangsaan. Ianya dijangka akan dilaksanakan selama tujuh (7) bulan bermula bulan Januari sehingga bulan Julai 2020. Peserta akan menjalani kursus kepimpinan insentif selama 14 hari di Kem Latihan Belia (KeLaB) sebelum mereka diberikan peluang untuk program *attachment* di Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan sektor swasta.

4. Disamping itu juga, para peserta akan diberikan kesempatan untuk mengelola dan menghadiri beberapa program di peringkat antarabangsa selain sesi Sembang Perdana bersama YAB Perdana Menteri. Program ini akan melibatkan kerjasama daripada pelbagai pihak dengan hasrat agar sijil penyertaan MFLS ini diiktiraf di peringkat nasional dan antarabangsa dan kelak akan menjadi nilai tambah dan merit kepada penerimanya.

5. Selain itu, program berbentuk bengkel, seminar dan kursus juga akan dilaksanakan menjurus kepada bidang keusahawanan, kenegaraan dan modal insan.

Sekian, terima kasih.